



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 15 APRIL 2025 (SELASA)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	MY METRO ONLINE	• KEBAKARAN PUTRA HEIGHTS: PEMAJU, KONTRAKTOR ANTARA 186 DIAMBIL KETERANGAN
2.	MALAYSIA KINI	• KEBAKARAN GAS: POLIS RAKAM KETERANGAN 186 SAKSI
3.	ASTRO AWANI	• KEBAKARAN GAS PUTRA HEIGHTS: PEMBERSIHAN DI KAMPUNG KUALA SUNGAI BARU SELEPAS DAPAT KEBENARAN
4.	BERNAMA ONLINE	• KEBAKARAN PAIP GAS: PPS DEWAN MASJID PUTRA HEIGHTS DITUTUP HARI INI
5.	BERNAMA TV	• 186 SAKSI TELAH DIRAKAM KETERANGAN BANTU SIASATAN POLIS

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	HARIAN METRO	• 90 PERATUS PEMBERSIHAN LANDSAP, INFRASTRUKTUR SIAP • ENAM WAKIL JUPEM, SEORANG PTG ANTARA DIAMBIL KETERANGAN
2.	SINAR HARIAN	• LAPORAN POLIS MENINGKAT KEPADA 774

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
	THE STAR	MBDK MPKL	• COMPOUND DISCOUNT • RECYCLING CLOTHES

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• JPJ CARNIVAL IN IPOH • VOLUNTERR RECRUITMENT • SPECIAL AID PROGRAMME • CITY HALL CRACKS DOWN ON ILLEGAL ALFRESCO DINING • JINJANG UTARA FOLK WANT URGENT ACTION OVER FREQUENT FLOODING • SELANGOR BOOSTING DIGITAL SKILLS OF YOUNG WOMEN ENTREPRENEURS
2.	KOSMO	• JPJ KELUAR SOP KEKANG KENDERAAN
3.	HARIAN METRO	• 10 RUMAH DI SELANGOR ROSAK DIBADAI LAUT • BISNES RUGI JALAN DITUTUP • HANYA BILIK SOLAT MASIH SEMPURNA
4.	SINAR HARIAN	• KELANTAN SUMBANG RM500,000 BANTU MANGSA DI PUTRA HEIGHTS • LAWATAN PRESIDEN CHINA: 1,089 POLIS BERTUGAS • JANGAN GUNA PERUNTUKAN JENTERA KERAJAAN - PM
5.	KOSMO	• JPJ KELUAR SOP KEKANG KENDERAAN BERAT DIPANDU LAJU • TIDAK BOLEH GUNA ASET KERAJAAN - PM
6.	BERITA HARIAN	• SELANGOR TAWAR 100 RUMAH SEMENTARA SEWA RM859 • KELANTAN SUMBANGKAN RM500,000 TANDA SOLIDARITI • PERTUMBUHAN GAJI TAK SEIRING KENAIKAN HARGA BARANG: BNM • JPJ PERKENAL SOP BAHARU KENDERAAN PERDAGANGAN, PERKHIDMATAN AWAM • MALAYSIA, ASEAN KENA FOKUS URUS EKONOMI



BIL	AKHBAR	TAJUK
		• PRESIDEN CHINA ADAKAN LAWATAN KE MALAYSIA PENUHI JEMPUTAN AGONG • 'TAK BOLEH GUNA JENTERA KERAJAAN UNTUK BERKEMPEN'
7.	UTUSAN MALAYSIA	• MANGSA LETUPAN PUTRA HEIGHTS TERPAKSA TINGGAL DI RUMAH ROSAK
8.	NEW STRAITS TIMES	• PUTRA HEIGHTS FIRE VICTIMS TO GET KEYS TO RENTAL UNITS
9.	THE SUN	• DO NOT USE GOVT MACHINERY, FUNDS FOR CAMPAINING: PM

Kebakaran Putra Heights: Pemaju, kontraktor antara 186 diambil keterangan

Muhaamad Hafis Nawawi

mhafis@mediaprima.com.my



KEADAN kediaman dan kenderaan penduduk Putra Harmoni yang musnah akibat kebakaran saluran gas di Putra Heights. FOTO Hainal Anwar Rahim.

Subang Jaya: Sehingga kini, polis sudah merakam keterangan 186 saksi berhubung insiden kebakaran saluran gas Putra Heights, di sini, 1 April lalu.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata, selain 138 mangsa kebakaran itu, polis turut merakam keterangan enam wakil Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan seorang Pejabat Tanah dan Galian (PTG).

Menurutnya, turut direkam keterangan wakil daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Petronas, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Kementerian Kesihatan, pakar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan pemaju serta kontraktor.

"Sehingga 8 pagi tadi, sebanyak 774 laporan polis juga diterima berkaitan kemalangan ini," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Hussein berkata, pihak Petronas Gas Berhad, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kini sedang melakukan kerja-kerja pembaikan di lokasi 'ground zero'.

"Unit Dron Pasukan Gerakan Udara PDRM meneruskan tinjauan udara waktu malam di lokasi ground zero bagi membantu Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) memantau kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan bencana," katanya.

Dalam pada itu katanya, Ops Mega Pembersihan yang memasuki hari kedua hari ini dijalankan di kawasan Taman Putra Harmoni dan Kampung Kuala Sungai Baru yang disahkan selamat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor (JBPM) dan JKR.

"Seramai 137 pegawai dan anggota PDRM terlibat dalam Ops Mega Pembersihan dengan 40 orang dalam penugasan kawalan keselamatan dan 97 orang dalam penugasan pembersihan," katanya.

Disiarkan pada: April 13, 2025 @ 7:39pm

HARIAN METRO ONLINE

TARIKH: 15 APRIL 2025

Kebakaran gas: Polis rakam keterangan 186 saksi

Diterbitkan: Apr 14, 2025 8:00 AM · Dikemaskini: 8:00 AM



Polis telah merakam keterangan 186 saksi dalam siasatan insiden kebakaran saluran gas Putra Heights, Subang Jaya setakat ini, kata Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan.

Beliau berkata selain membabitkan 138 mangsa kebakaran itu, polis turut merakam keterangan enam wakil Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, seorang wakil Pejabat Tanah dan Galian serta wakil daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Petronas, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Kementerian Kesihatan, pakar Universiti Kebangsaan Malaysia dan pemaju serta kontraktor.

“Sebanyak 774 laporan polis juga telah diterima berkaitan insiden ini (setakat 8 pagi semalam),” katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, semalam.

Hussein berkata pihak Petronas Gas Berhad, Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kini sedang melakukan kerja-kerja pembaikan di lokasi ground zero.

MALAYSIA KINI ONLINE
TARIKH: 15 APRIL 2025

Kebakaran gas: Polis rakam keterangan 186 saksi

Diterbitkan: Apr 14, 2025 8:00 AM · Dikemaskini: 8:00 AM



"Unit Dron Pasukan Gerakan Udara PDRM meneruskan tinjauan udara waktu malam di lokasi ground zero bagi membantu Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) memantau kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan bencana," katanya.

Dalam pada itu, Hussein berkata Op Mega Pembersihan yang memasuki hari kedua hari ini dijalankan di kawasan Taman Putra Harmoni dan Kampung Kuala Sungai Baru, yang telah disahkan selamat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor dan JKR.

Beliau berkata 137 pegawai dan anggota PDRM terlibat dalam operasi pembersihan itu dengan 40 orang dalam penugasan kawalan keselamatan manakala 97 orang dalam penugasan pembersihan.

Kebakaran saluran gas pada 8.10 pagi, 1 April lepas itu menyebabkan api marak setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah lebih 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk dipadamkan sepenuhnya.

- Bernama

MALAYSIA KINI ONLINE
TARIKH: 15 APRIL 2025

Kebakaran gas Putra Heights: Pembersihan di Kampung Kuala Sungai Baru selepas dapat kebenaran

Madiha Abdullah

12/04/2025 17:05 MYT



Suasana di sekitar kawasan terjejas susulan insiden kebakaran saluran paip gas kembali sibuk sejak pagi ini dengan pelaksanaan Ops Mega Pembersihan yang dijalankan secara besar-besaran di Kampung Kuala Sungai Baru. - Foto Bernama

SUBANG JAYA: Kerja-kerja pembersihan di Kampung Kuala Sungai Baru susulan insiden kebakaran paip gas dua minggu lalu, hanya dapat dimulakan hari ini selepas kebenaran diberikan oleh pihak polis.

Ringkasan AI

- Kerja-kerja pembersihan di Kampung Kuala Sungai Baru dimulakan hari ini selepas mendapat kebenaran polis.
- Kampung dibina tanpa pelan pembangunan rasmi, menyukarkan kerja pembersihan berbanding kawasan perumahan yang lebih sistematik.
- Sebanyak 4,600 kakitangan dan 264 jentera berat digerakkan dalam operasi dua hari untuk membantu penduduk.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ini kerana kawasan kampung itu dibina secara berperingkat tanpa pelan pembangunan tersusun, berbanding kawasan perumahan lain seperti Taman Putra Heights dan Putra Harmoni yang dibangunkan secara sistematik.

"Kebakaran diberi kira-kira tiga hari lepas, jadi ada (penduduk) sudah mulakan pembersihan. Sebab itu hari ini kita gerakan operasi untuk bantu penduduk di kawasan terbabit. Kerja-kerja pembersihan hanya dijalankan di luar rumah dan kawasan sekitar, melainkan kalau ada permintaan daripada pemilik rumah.

"Kawasan Kampung Kuala Sungai Baru dibangunkan bukan dengan kaedah (pelan) perumahan yang tersusun, tidak seperti di Taman Putra Heights dan Taman Putra Harmoni. Ini menyukarkan pasukan penyelamat dan sukarelawan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan," katanya selepas melancarkan Ops Mega Pembersihan, pada Sabtu.

Bukan itu sahaja, Amirudin juga memaklumkan kawasan kampung itu adalah antara lokasi yang mengalami kerosakan paling serius dengan sebahagian struktur rumah tidak selamat untuk dimasuki.

Sejumlah 4,600 kakitangan dan 264 jentera berat digerakkan dalam operasi dua hari anjuran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama pelbagai agensi.

Amirudin berkata, sebanyak 264 unit kenderaan dan jentera termasuk lori water jetter, lori tangki air, lori Roll-On Roll Off (RORO), jentera pengorek kaut, penyapu jalan, mesin pencincang kayu dan kren pengangkat digunakan dalam operasi tersebut.

Tambahnya, setakat ini, 307 kediaman telah dibenarkan untuk diduduki semula dan pihaknya menjangkakan lebih banyak rumah akan dapat diduduki dalam masa terdekat selepas proses pembersihan selesai.

ASTRO AWANI ONLINE

TARIKH: 15 APRIL 2025

Kebakaran Paip Gas: PPS Dewan Masjid Putra Heights Ditutup Hari Ini

13/04/2025 04:00 PM



Operasi pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Masjid Putra Heights, Subang Jaya yang dibuka bagi menempatkan mangsa insiden kebakaran saluran paip gas Putra Heights ditutup secara rasmi jam 2.30 petang 13 April selepas kesemua 210 mangsa dari 60 keluarga kembali ke kediaman masing-masing. Foto:BERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELUHARA

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Operasi pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights yang dibuka bagi menempatkan mangsa insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights ditutup sepenuhnya 2.30 petang tadi.

Pegawai Daerah Petaling yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Petaling Huzunul Khaidil Mohammed berkata 210 mangsa daripada 60 keluarga mula mengosongkan PPS berkenaan sejak pagi tadi dengan mangsa terakhir meninggalkan PPS pada 2 petang.

"Alhamdulillah hingga hari ini kesemua mangsa terlibat iaitu 613 keluarga telah pulang ke kediaman masing-masing.

"Bagi mangsa yang kediaman mereka musnah, ada yang berpindah ke rumah sewa dan perumahan Airbnb yang ditaja kerajaan negeri selain mereka turut menerima bantuan barangan asas kehidupan seperti beras selama sebulan," katanya kepada Bernama ketika ditemui di PPS Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights di sini, hari ini.

Dalam masa sama, Huzunul Khaidil turut mengucapkan terima kasih kepada semua pihak terlibat yang melancarkan proses pemindahan penduduk di PPS Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights dan PPS Dewan Camelia Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

PPS Dewan Camelia MBSJ yang menempatkan 60 mangsa daripada 16 keluarga ditutup pada 9 April lepas setelah bantuan ditawarkan kerajaan Selangor mula disalurkan selain beberapa keluarga dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing.

-- BERNAMA

BERNAMA ONLINE
TARIKH: 15 APRIL 2025



90 peratus pembersihan landskap, infrastruktur siap

HM (MBS)
1514

Kuala Lumpur: Hampir 90 peratus kerja-kerja pembersihan landskap dan infrastruktur di dua kawasan perumahan yang terjejas akibat kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya, berjaya diselesaikan dalam tempoh 12 hari.

Pengarah Urusan KDEB Waste Management (KDEBWM) Datuk Ramli Mohd Tahir berkata ia termasuk pembersihan barangan rumah yang rosak dan dibuang penduduk di kedua-dua Taman Putra Harmoni dan Kampung Kuala Sungai Baru.

"Pembersihan dimulakan sejak hari ketiga ke-

jadian iaitu pada 3 April dan usaha membersihkan sepenuhnya diteruskan lagi dan dijangka selesai minggu ini. Ia melibatkan pembersihan sisa pokok terbakar yang ditebang, daun-daun kering dan pembersihan jalan tar.

"Tanah dan pasir yang menutupi pembahagi jalan turut dibersihkan menggunakan mesin 'water jet', katanya ketika dihubungi semalam.

Ramli berkata KDEBWM bersama agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan sukarelawan turut membantu membersihkan peralatan rosak yang dibuang penduduk

sebelum dihantar ke tempat pelupusan ketika Ops Mega Pembersihan pada Sabtu dan Ahad lepas.

Operasi pembersihan selama dua hari itu melibatkan lebih 4,000 sukarelawan daripada lebih 20 agensi kerajaan, swasta dan NGO yang digerakkan ke 12 zon di Taman Putra Harmoni dan Kampung Kuala Sungai Baru.

Kelmarin media melaporkan hampir 500 tan sisa sampah berjaya dibersihkan dalam Op Mega Pembersihan setakat 2 petang di sekitar kedua-dua kawasan itu susulan insiden kebakaran saluran paip gas 1 April lepas.

HARIAN METRO

Tarikh: 15 APR 2025

Enam wakil Jupem, seorang PTG antara diambil keterangan

Subang Jaya: Polis sudah merakam keterangan 186 saksi dalam siasatan insiden kebakaran saluran gas Putra Heights di sini setakat kelmarin.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata, selain membabitkan seramai 138 mangsa kebakaran itu, polis turut merakam keterangan daripada enam wakil Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) dan seorang Pejabat Tanah dan Galian (PTG).

Menurutnya, turut dirakam keterangan wakil daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Petronas, Majlis Bandaraya Subang

Jaya (MBSJ), Kementerian Kesihatan, pakar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan pemaju serta kontraktor.

"Sehingga jam 8 pagi tadi (kelmarin) sebanyak 774 laporan polis juga diterima berkaitan kemalangan ini," katanya ketika dihubungi, kelmarin.

Hussein berkata, pihak Petronas Gas Berhad, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kini melakukan kerja pembalakan di lokasi *ground zero*.

"Unit Dron Pasukan Gerakan Udara PDRM meneruskan tinjauan udara waktu malam di lokasi

ground zero bagi membantu Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) memantau kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan bencana," katanya.

Dalam pada itu katanya, Ops Mega Pembersihan dilakukan di kawasan Taman Putra Harmoni dan Kampung Kuala Sungai Baru kelmarin yang disahkan selamat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor (JBPM) dan JKR.

"Seramai 137 pegawai dan anggota PDRM terbabit dengan 40 orang dalam penugasan kawalan keselamatan dan 97 orang dalam penugasan pembersihan," katanya.

HARIAN METRO
15 APR 2025

Tarikh:

10 rumah di Selangor rosak dibadai ribut

AM 6/4

Hulu Selangor: Sekurang-kurangnya 10 rumah rosak susulan kejadian ribut dan hujan lebat yang melanda Kampung Seberang, Felda Gedangsa di Hulu Bernam di sini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.30 petang itu, bahagian belakang dua daripada kediaman terbabit dihempap pokok tumbang.

Pegawai Angkatan Per-



Hasil pemantauan mendapati rumah terjejas mengalami kerosakan bumbung. Bagaimanapun, keadaan adalah baik dan terkawal"

Mohd Faizal

tahanan Awam Malaysia (APM) Hulu Selangor Lef-
tenan (PA) Mohd Faizal Mohd Sharif berkata, se-
pasukan tiga anggota ber-
sama jentera dikejarkan
ke lokasi selepas mene-
rima panggilan berhu-
bung kejadian.

"Hasil pemantauan
mendapati rumah yang
terjejas mengalami kero-
sakan pada bumbung. Ba-
gaimanapun, keadaan
adalah baik dan terkawal.

"Kerja mengagihkan po-
kok tumbang kemudian
dijalankan pasukan pe-
nyelamat bersama pendu-
duk kampung," katanya
ketika dihubungi.

Mohd Faizal berkata, se-
batang pokok berjaya di-
alihkan, manakala operasi
mengalihkan sebatang la-
gi pokok tumbang ber-
sambung semalam susun-
an keadaan cuaca yang
gelap dan berisiko pada
kelmarin.

HARIAN METRO

Tarikh: 15 APR 2025

Oleh Nurul
Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Subang Jaya

15/4

Bisnes rugi jalan ditutup

Perniagaan lain di Putra Heights alami kerugian akibat laluan belum dibuka

Penutupan laluan masuk ke Kampung Kuala Sungai Baru, Putra Heights di sini sejak dua minggu lalu menyebabkan banyak perniagaan dalam kawasan terdampak terjejas.

Penduduk Kampung Kuala Sungai Baru, Fauzi Jaafar, 58, berkata, dia menyewa tanah dan membangunkan lima premis di kawasan berhampiran laluan yang ditutup pihak berkuasa sejak dua minggu lalu.

"Saya sewakan lima premis iaitu kedai makan, kedai tayar, kedai aksesori, pasar mini dan bengkel yang berada dalam radius satu kilometer dari lokasi letupan saluran gas terdampak."

"Tiada premis saya yang terjejas secara langsung (secara fizikal) namun kesemuanya tidak beroperasi memandangkan laluan masuk ke kampung ini ditutup oleh pihak berkuasa."

"Penutupan jalan menyebabkan orang luar tidak boleh masuk kecuali penduduk kampung yang mempunyai pas. Keadaan itu menyebabkan penyewa menutup premis mereka kerana tiada pelanggan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan beliau mengalami kerugian apabila dua daripada lima penyewa premis terdampak menarik diri.

"Setiap premis itu disewa kira-kira RM2,000. Ada penyewa sudah tarik diri ke-

rana tidak mahu tanggung kerugian memandangkan perniagaan sudah ditutup dua minggu.

"Kami tidak tahu sampai bila laluan ini akan ditutup dan tidak dimaklumkan apa-apa mengenainya. Kami faham prosedur pihak berkuasa, namun harap ada jalan penyelesaian bagi peniaga yang turut terjejas," katanya.

Sementara itu, pemilik sebuah bengkel di Kam-

pung Kuala Sungai Baru, Roslan Jaafar, 55, berkata, pendapatannya terjejas apabila bengkel miliknya tidak dibuka sejak dua minggu lalu.

"Jika dilihat dari segi kerosakan, bengkel saya hanya terjejas sedikit apabila ada bumbung cair tetapi masih boleh beroperasi."

"Cuma sekarang bengkel terpaksa ditutup kerana tiada pelanggan yang datang memandangkan laluan"

menuju ke sini ditutup. Keadaan di sekitar kawasan ini juga sunyi seperti 'pekan mati,' katanya yang memaklumkan tiada kenderaan pelanggan terjejas dalam kejadian itu.

Beliau berkata, pihaknya ada mencadangkan kepada pihak berkuasa supaya penutupan itu hanya melibatkan laluan ke lokasi letupan.

"Laluan yang ditutup ini pada jarak kira-kira 500

meter dari lokasi letupan. Mungkin pihak berkuasa boleh tutup di laluan simpang ke lokasi letupan berbanding mula tutup dari kawasan ini."

"Kami juga tidak dimaklumkan apa lagi kerja-kerja baik pulih yang dilakukan di kawasan ini dan sehingga bila penutupan laluan dibuat. Kami harap ada jalan penyelesaian untuk golongan peniaga seperti kami yang terjejas secara

tidak langsung dalam kejadian ini," katanya.

Tinjauan Harian Metro di lokasi itu mendapati laluan ke kampung berkenaan masih ditutup dengan beberapa anggota polis melakukan kawalan keselamatan.

Bagaimanapun, terdapat pergerakan keluar dan masuk beberapa kenderaan penduduk yang mempunyai pas dilihat di laluan yang ditutup berkenaan.



KESAN kebakaran saluran paip gas masih jelas kelihatan di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights ketika tinjauan, semalam.

HARIAN METRO
15 APR 2025

PUTRA HEIGHTS BERGEGAR

Hanya bilik solat masih sempurna

Pemilik sebuah rumah musnah sepenuhnya anggap keadaan luar biasa bukti kebesaran Allah

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

15/4

Subang Jaya

"Syukur kepada Allah apabila melihat bilik solat di rumah saya masih dalam keadaan sempurna," kata Ahmad Baharudin Hamid, 56, mangsa kebakaran saluran paip gas di Putra Heights di sini, dua minggu lalu.


Ahmad berkata, dia hanya menyedari mengenai keadaan bilik solat itu apabila melakukan pemeriksaan bagi penilaian kero-

sakan di rumahnya, dua hari selepas kejadian.

"Berdasarkan kerosakan, rumah saya dikategorikan sebagai musnah sepenuhnya apabila bumbung dan wayar rosak. Malah, ruang tamu saya dipenuhi debu apabila kesemua perabot menjadi abu.

"Namun bila saya periksa bilik solat, saya dapati tiada kerosakan seperti di bilik-bilik lain dengan barangan seperti sejadah, telekung dan al-Quran masih dalam keadaan baik," katanya ketika dihubungi, semalam.

Ahmad berkata, rumah di Kampung Kuala Sungai Baru itu yang didiami me-



KEADAAN bilik solat di kediaman Ahmad Baharudin yang tidak terkesan oleh insiden letupan paip gas di Putra Heights.

reka sekeluarga sejak lima tahun lalu mempunyai enam bilik termasuk bilik solat berkenaan.

"Sewaktu bina rumah itu, memang saya khususnya sebuah bilik solat yang dilengkapi dengan tempat wuduk supaya mudah untuk solat bukan sahaja kepada kami tetapi juga kepada tetamu," katanya.

Menurutnya, dia sekeluarga kini menetap di sebuah kediaman Airbnb di

Subang sementara menunggu rumah untuk disewanya yang dalam proses penyenggaraan.

"Saya akan menyewa sebuah rumah inap di kawasan berhampiran dengan rumah dengan harga RM2,000 sebulan supaya senang untuk pantau keadaan rumah.

"Malah, rumah itu juga sudah ada semua kelengkapan yang memudahkan urusan harian kami sekeluarga memandangkan banyak barang kami musnah akibat kebakaran itu," katanya.

Terdahulu, satu rakaman video dimuat naik di akaun Tik Tok Exco Pengurusan Bencana Selangor, Mohd Najwan Halimi yang menunjukkan keadaan bilik solat di rumah Ahmad dalam keadaan baik tular di media sosial, semalam.

Mohd Najwan berkata, beliau memuat naik video itu sebagai satu elemen positif yang boleh memberi pengajaran dan keinsafan kepada umat Islam.

"Selain bilik solat ini, saya juga dimaklumkan mengenai sebuah kereta yang rosak teruk akibat cair kerana bahang letupan itu. Namun, ayat Kursi yang digantung di bahagian cermin pandang belakang dalam kereta itu dalam keadaan elok.

"Saya lihat apa yang berlaku ini sebagai tanda kebesaran Allah SWT yang melindungi serta menjaga bilik solat dan ayat kursi berkenaan dengan baik," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Anggerik.

"Sejadah, telekung dan al-Quran masih keadaan baik"

Ahmad Baharudin



BAHAGIAN ruang tamu rumah Ahmad Baharudin musnah sepenuhnya.

HARIAN METRO

Tarikh: 15 APR 2025

Laporan polis meningkat kepada 774

Seramai 186 saksi insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights direkod percakapan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SUBANG JAYA 54 (MBSJ)

15/4

Jumlah laporan diterima polis membabitkan insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, di sini yang masuk hari ke-13 pada Ahad telah meningkat kepada 774.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, berikutan itu, polis telah merekodkan percakapan 186 saksi terdiri daripada 138 mangsa, polis (15), Petronas (4), Majlis Bandaraya Subang Jaya (2) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) (6).

Menurutnya, selebihnya membabitkan seorang daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pejabat Tanah dan Galian (1), pakar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (1), pemaju dan kontraktor (1) dan lapan lagi daripada lain-lain pihak.

"Jumlah itu direkodkan setakat jam 6 petang semalam (Ahad). Selain itu, Unit Dron Pasukan Gerakan Udara (PGU) Polis Diraja Malaysia (PDRM) meneruskan tinjauan udara waktu malam di lokasi ground zero bagi membantu Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) memantau kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan bencana," katanya pada Isnin.

Bellau berkata, rakaman visual dan gambar melibatkan tinjauan udara dalam radius 500 meter dan Pasukan Forensik D10 Bukit Aman serta Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor telah melakukan tandaan kawasan di Zon B.

"Pihak Petronas Gas Berhad, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) melakukan kerja-kerja pembaikan di lokasi kejadian," ujarnya.

Mengulas mengenai Op Mega Pembersihan di penempatan yang terjejas di hari kedua pada Ahad, Hussein berkata, operasi yang diketuai MBSJ itu melibatkan agensi lain termasuk PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta sukarelawan.

"Kerja-kerja pembersihan tertumpu di persekitaran rumah dan kawasan yang terjejas meliputi Taman Putra Harmoni dan Kampung Kuala Sungai Baru yang



Kerja pembersihan di penempatan terjejas kebakaran saluran paip gas Putra Heights, Subang Jaya dilaksanakan pada Sabtu dan Ahad lalu.

disahkan selamat oleh bomba serta JKR serta dibahagikan kepada empat sektor utama iaitu sektor A, B, C dan D," katanya.

Jelasnya, kekuatan PDRM termasuk Pasukan Gerakan Am (PGA) ialah seramai 97 orang.

"PGA masih membuat kawalan keselamatan 24 jam di kawasan terjejas

untuk memastikan harta benda yang ditinggalkan mangsa selamat," ujarnya.

Kebakaran saluran gas Petronas pada 1 April lalu mengakibatkan api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celcius dan mengambil masa selama hampir lapan jam untuk dipadamkan sepenuhnya.

SINAR HARIAN

Tarikh:1.5..APR.2025...

Kelantan sumbang RM500,000 bantu mangsa di Putra Heights

SH 15/4

SHAH ALAM - Kerajaan Kelantan memberi sumbangan sebanyak RM500,000 kepada Tabung Selangor Prihatin bagi membantu mangsa yang terkesan dalam insiden kebakaran paip gas di Putra Heights pada 1 April lalu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari memaklumkan, sumbangan itu diserahkan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud kepada Setiausaha Kerajaan (SUK) Selangor, Datuk Dr Ahmad Fadli Ahmad Tajuddin serta Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Selangor, Mohd

Najwan Halimi.

"Kerajaan Selangor amat berbesar hati menerima kunjungan Menteri Besar Kelantan bersama Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Serantau Negeri Kelantan, Asri Daud serta delegasi di sini.

"Saya mewakili Kerajaan Negeri Selangor merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Mohd Nassuruddin dan Kerajaan Kelantan atas sumbangan ini. Insya-ALLAH, bantuan ini amat bermakna buat kami di Selangor," katanya menerusi Facebook pada Ahad.



Mohd Nassuruddin (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan kepada Ahmad Fadli (dua dari kiri).

SINAR HARIAN

Tarikh: **15 APR 2025**

Lawatan Presiden China: 1,089 polis bertugas

SA 15/4

KUALA LUMPUR - Seramai 1,089 pegawai dan anggota polis ditugaskan bagi kawalan keselamatan dan trafik sempena lawatan rasmi Presiden China, Xi Jinping ke Malaysia.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa berkata, kawalan keselamatan bermula Selasa sehingga Khamis bagi memastikan lawatan tersebut berjalan lancar.

"Penutupan sepenuhnya laluan yang terlibat adalah satu keperluan ditetapkan dalam prosedur operasi standard (SOP) keselamatan bagi acara-acara penting terutama membabitkan pemimpin negara," katanya pada Isnin.

Rusdi berkata, beberapa

jalan akan ditutup sepenuhnya selama 30 hingga 40 minit kerana satu keperluan bagi memastikan semua yang dirancang berjalan lancar.

Ditanya sama ada terdapat ancaman sempena lawatan terabit, Rusdi berkata, tindakan itu perlu dilakukan kerana lawatan itu membabitkan pemimpin dunia yang 'penting'.

"Di mana-mana ada risiko tertentu dan ancaman, namun ia adalah SOP biasa bagi lawatan melibatkan pemimpin yang menguasai ekonomi dunia.

"Kita perlu pastikan negara kita menyambut mereka (delegasi China) dengan baik dan teratur," ujarnya.

SINAR HARIAN
15 APR 2025

Tarikh:

Jangan guna peruntukan, jentera kerajaan - PM

Bagi tujuan kempen selepas penamaan calon sehingga hari pengundian bagi PRK DUN Ayer Kuning

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN** SH 14/4
PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi amaran bahawa selepas proses penamaan calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning pada Sabtu lepas, semua pihak berkaitan tidak boleh menggunakan jentera atau peruntukan kerajaan bagi tujuan kempen.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, keputusan ke-

rajaan adalah jelas, penggunaan jentera atau peruntukan kerajaan setelah penamaan calon sehingga hari mengundi, adalah tidak dibenarkan.

Beliau berkata, pengumuman peruntukan RM6.13 juta oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming bagi 33 projek pembangunan di kawasan Parlimen Tapah termasuk DUN Ayer Kuning, dibuat sebelum penamaan calon bagi PRK berkenaan.

"Pengumuman itu dibuat sebelum proses penamaan calon. Kalau selepas itu (penamaan calon) kita kena bagi amaran, tidak boleh," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan bulanan Kementerian Kewangan di sini pada Isnin.

Pada 10 April lepas, Nga Kor Ming mengumumkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan



ANWAR

RM6.13 juta bagi 33 projek pembangunan dan infrastruktur awam di bawah Program Sentuhan Kasih 3.0.

Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) menyelar tindakan Nga Kor Ming yang menyifatkan penyaluran dana dan projek pembangunan ke kawasan sedang berdepan pilihan raya adalah satu bentuk penyalahgunaan sumber kerajaan.

Bersih menegaskan pihaknya telah memperkenalkan garis panduan 3C kepada kerajaan sementara sejak Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023 melibatkan larangan tiada syarat, tiada kempen dan tiada penglibatan calon dalam program rasmi kerajaan sepanjang tempoh pilihan raya.

Jelas Bersih lagi, garis panduan terbabit diwujudkan bagi memastikan jentera kerajaan tidak disalahgunakan untuk tujuan politik semasa tempoh pilihan raya.

SINAR HARIAN

15 APR 2025

Tarikh:

JPJ keluar SOP kekang kenderaan berat dipandu laju

- JPJ melarang kenderaan lebih 7.5 tan dipandu di lorong kanan
- Kompau, sita boleh diambil pasukan penguat kuasa

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU — Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan baharu bagi menangani isu kenderaan perdagangan dan perkhidmatan awam melebihi 7.5 tan ke atas pada Mei ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Aedy Fadly Ramli berkata, ini berikutan terdapat peningkatan kes kemalangan melibatkan kenderaan berat terutama lori sejak akhir-akhir ini.

Katanya, antara elemen yang akan ditekankan dalam garis panduan itu ialah larangan sepenuhnya kenderaan perdagangan melebihi 7.5 tan memandu di lorong paling kanan di lebuh raya mahu pun jalan Persekutuan dan negeri.

"Tindakan mengeluarkan notis kompau dan tahan (sita) boleh diambil pasukan penguat kuasa JPJ dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekiranya arahan itu tidak dipatuhi.

"Selain itu, kita juga akan mengambil pendekatan jangka sederhana dan panjang bagi me-



AEDY FADLY (kiri) beramah mesra dengan sebahagian tetamu majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri JPJ Terengganu, di Kuala Terengganu kelmarin.

nanangi isu kemalangan melibatkan kenderaan perdagangan ini," katanya pada Majlis Apresiasi dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri JPJ Terengganu di sini kelmarin.

Katanya, memandu melebihi had laju ditetapkan iaitu maksimum 80 kilometer sejam (km/j) di jalan Persekutuan dan negeri serta 90km/j di lebuh raya dikenal pasti antara punca utama peningkatan kemalangan jalan

raya melibatkan kenderaan perdagangan termasuk pada musim perayaan Aidilfitri baru-baru ini.

Menurutnya, perincian garis panduan berhubung tindakan penguatkuasaan terhadap kenderaan perdagangan dan perkhidmatan awam yang melanggar had laju itu dalam penelitian JPJ bersama semua pemegang taruh termasuk Kementerian Pengangkutan.

Kelmarin media melaporkan,

kira-kira 20 buah kenderaan mengalami kerosakan akibat dirempuh sebuah lori di susur keluar berdekatan Plaza Tol Serenia, Dengkil, Selangor.

Berdasarkan rakaman kamera papan pemuka milik salah seorang pengguna jalan raya di lokasi kejadian, lori terbabit meluncur laju dari arah belakang sebelum menghentam deretan kenderaan yang berhenti disebabkan kesesakan trafik.

KOSMO

15 APR 2025

Tarikh:

Tidak boleh guna aset kerajaan – PM

- Perdana Menteri ^{KOSMO} 15/4 beri amaran
- Pengumuman dana RM6.13 juta sebelum penamaan calon

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan sebarang penggunaan jentera dan peruntukan kerajaan selepas penamaan calon pilihan raya adalah tidak dibenarkan.

Beliau berkata, pengumuman peruntukan sebanyak RM6.13 juta bagi 33 projek pembangunan di kawasan Parlimen Tapah termasuk Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning adalah dibuat sebelum penamaan calon Pilihan Raya Kecil (PRK) tersebut.

"Itu sebelum. Kalau selepas (penamaan calon) kita kena beri amaran," katanya pada majlis perjumpaan bersama warga Kementerian Kewangan bagi bulan April, di sini semalam.

Tedahulu, Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) menyelar tindakan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming yang mengumumkan peruntukan tersebut.



ANWAR (kiri) ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Perhimpunan Bulanan dan Perjumpaan Warga Kementerian Kewangan serta Agensi di Putrajaya semalam. – FAIZ ALIF ZUBIR

Mereka menyifatkan penyaluran dana dan projek pembangunan ke kawasan yang sedang berdepan pilihan raya adalah satu bentuk penyalahgunaan sumber kerajaan.

Bersih menegaskan, pihaknya

telah memperkenalkan garis panduan '3C' kepada kerajaan sementara sejak Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023 melibatkan larangan tiada syarat, tiada kempen dan tiada penglibatan calon dalam program rasmi kerajaan

sepanjang tempoh pilihan raya.

Kata Bersih, garis panduan terbabit diwujudkan bagi memastikan jentera kerajaan tidak disalah guna untuk tujuan politik semasa tempoh pilihan raya.

Kelmarin, Menteri Komuni-

kasi serta jurucakap Kerajaan Perpaduan, Datuk Fahmi Fadzil dilaporkan berkata, semua pihak perlu patuh dengan tidak mengumumkan sebarang peruntukan penyaluran dana dan projek pembangunan pada PRK itu.

KOSMO

Tarikh: 15 APR 2025

Selangor tawar 100 rumah sementara sewa RM850

BA 15/4

Subang Jaya: Kerajaan Selangor menawarkan 100 unit rumah sementara dengan kadar sewa RM850 sebulan di Pangsapuri Sri Suria, Kota Warisan, Sepang bagi membantu penduduk terkesan dalam insiden letupan paip gas di Putra Heights, 1 April lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kebudayaan Selangor, Datuk Borhan Aman Shah, berkata kadar sewa ditawarkan itu, termasuk yuran penyelenggaraan untuk tempoh enam bulan.

"Inisiatif berkenaan adalah antara langkah segera kerajaan negeri bagi memastikan kebajikan mangsa terus terbela.

"Unit sewa sementara itu berkeluasan 1,100 kaki persegi dan dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik mandi serta kemudahan asas.

"Surat tawaran dikeluarkan serta-merta dalam tempoh sehari dan penyerahan kunci dijangka dalam masa dua hari selepas itu," katanya selepas Sesi Taklimat Tawaran Rumah Sementara (RSKu) di pekarangan Masjid Putra Heights, di sini semalam.

Borhan berkata, tawaran rumah sementara berkenaan terbuka kepada semua penduduk yang terkesan tanpa mengira status pemilikan rumah.

"Kerajaan negeri turut bekerjasama dengan pemaju Sime Darby Property Berhad yang menawarkan 66 unit hartanah untuk disewa atau dibeli oleh penduduk terjejas pada kadar harga insentif," katanya.

Borhan berkata, unit ditawarkan membabitkan projek di Serenia City, Sepang dan Bandar Bukit Raja 2, Klang, termasuk rumah teres dua tingkat dan rumah jenis berkembar dengan keluasan antara 750 hingga 2,092 kaki persegi.

"10 unit di Serenia City ditawarkan untuk disewa pada harga RM1,800 sebulan lengkap dengan kelengkapan asas seperti peti sejuk, kipas dan lampu.

"Manakala selebihnya ditawarkan untuk jualan pada harga bermula RM793,888 hingga RM924,886," katanya.

Jelasnya, kaunter pendaftaran permohonan dibuka selama empat hari bermula semalam hingga esok di Masjid Putra Heights, dari jam 10 pagi hingga 4.30 petang serta pada Sabtu dari jam 10 pagi hingga 3 petang.

Katanya, penduduk juga boleh membuat permohonan di Pejabat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) di Tingkat 5, Podium Utara, Bangunan SUK, Shah Alam.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 15 APR 2025.....

Kelantan sumbangkan RM500,000 tanda solidariti

Kota Bharu: Kelantan menyumbangkan RM500,000 untuk Selangor sebagai tanda solidariti kepada mangsa letupan paip gas di Putra Heights.

Sumbangan disampaikan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud kepada wakil kerajaan Selangor ketika kunjungan beliau di kediaman Menteri Besar Selangor, kelmarin.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Dr Mohamed Fadzli Hassan, berkata sumbangan itu sebagai rasa tanggungjawab serta persaudaraan memandangkan bantuan sama pernah diberi ketika negeri ini ditimpa banjir.

"Selain RM500,000 untuk Selangor, sumbangan kewangan turut diberi kepada tujuh keluarga

yang juga rakyat Kelantan dengan masing-masing menerima RM5,000 serta barang elektrik.

"Satu daripada tujuh keluarga itu adalah rakyat saya (di Dewan Undangan Negeri Temangan) dan saya sendiri sudah pun menyerahkan sumbangan peribadi. "Semua bantuan itu adalah tanda tanggungjawab serta persaudaraan kami dengan kerajaan

Selangor yang pernah membantu negeri ini ketika dilanda banjir," katanya selepas merasmikan Seminar Kebudayaan Islam 2025, di Dewan Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (PUTIK), Pengkalan Chepa, di sini semalam.

Mohamed Fadzli turut menzahirkan rasa dukacita dengan insiden itu, namun bersyukur semua mangsa selamat.

BERITA HARIAN

Tarikh..... 15 APR 2025

Pertumbuhan gaji tak seiring kenaikan harga barang: BNM

Malaysia BH 15/4
perlu bekerja
keras tingkat
paras pendapatan
rakyat

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pertumbuhan gaji yang perlahan dan tidak seiring dengan kenaikan harga barang dikenal pasti sebagai antara punca utama rakyat masih berdepan isu kos sara hidup, meskipun kadar inflasi negara kini lebih terkawal.

Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Marzunisham Omar, berkata situasi itu menyebabkan rakyat terus berusaha untuk menampung keperluan asas kerana paras harga semasa masih dianggap tinggi walaupun peningkatannya tidak lagi mendedak.

"Masalahnya adalah pada gaji. Pertumbuhan pendapatan tidak selari dengan kenaikan harga barang. Justeru, kita perlu bekerja lebih keras untuk meningkatkan paras pendapatan rakyat," katanya dalam satu temu bual eksklusif bersama BH, baru-baru ini.

Beliau berkata, sejak 2019 paras harga keseluruhan meningkat 9.3 peratus, manakala purata gaji nominal pekerja naik sekitar tujuh peratus.

Lebih membimbangkan, katanya, harga makanan mencatat kenaikan jauh lebih tinggi iaitu sebanyak 17.4 peratus.

Keadaan ini, katanya, menimbulkan ketidakseimbangan yang ketara dan terus membebankan isi rumah, walaupun langkah pengawalan inflasi telah diambil oleh kerajaan dan pihak berkaitan.

Tambah peluang kerja

Dalam usaha menangani isu berkenaan, Marzunisham berkata, antara pendekatan utama adalah memperbanyakkan penciptaan pekerjaan berpendapatan tinggi menerusi pelaburan berkualiti tinggi.

"Kerajaan memang memberi tumpuan kepada usaha menarik pelaburan bernilai tinggi yang boleh mewujudkan pekerjaan yang baik, tetapi kita masih belum berjaya mencipta bilangan pekerjaan berkemahiran tinggi yang mencukupi," katanya.

Sejak 2019, paras harga keseluruhan meningkat sebanyak 9.3 peratus, manakala purata gaji nominal pekerja naik sekitar tujuh peratus

Marzunisham Omar,
Timbalan Gabenor BNM



Beliau berkata, secara purata kira-kira 250,000 graduan dihasilkan setiap tahun, namun hanya sekitar 150,000 pekerjaan berkemahiran tinggi diwujudkan.

Akibatnya, wujud lebih graduan yang terpaksa bekerja di bawah tahap kelayakan mereka.

"Ketika ini, kira-kira 36 peratus graduan bekerja dalam bidang yang tidak memerlukan kelayakan mereka," katanya.

"Angka ini agak tinggi dan membimbangkan. Justeru, kita perlu serius mencipta lebih banyak pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan dan kemahiran mereka," katanya.

Tambah beliau, selain mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, negara juga perlu memastikan tenaga kerja dilengkapi kemahiran yang diperlukan industri, termasuk menggalakkan lebih ramai pelajar menceburi aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Beliau turut menegaskan isu gaji rendah bukan hanya berpunca daripada tahap produktiviti kerana data menunjukkan pertumbuhan produktiviti negara

beberapa tahun kebelakangan ini kekal stabil dan positif.

"Namun, pertumbuhan gaji masih lemah, maka sudah tiba masa majikan membayar gaji lebih adil dan setimpal dengan produktiviti pekerja," katanya.

Langkah seperti menyemak kadar gaji minimum dan menggalakkan sektor swasta untuk menawarkan gaji yang wajar perlu terus diberi perhatian sebagai sebahagian daripada penyelesaian jangka panjang.

Marzunisham juga berkata, kebergantungan kepada tenaga kerja asing berkemahiran rendah juga menyumbang kepada tekanan terhadap kadar gaji pekerja tempatan.

Katanya, situasi itu bukan sahaja mengekang kenaikan gaji, malah menghalang proses automasi dalam industri kerana kebergantungan terhadap buruh murah masih berterusan.

"Dasar berkaitan tenaga kerja asing perlu penstrukturan semula secara lebih strategik dan seimbang bagi memastikan kenaikan gaji dan transformasi ekonomi dapat dicapai," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh.....15 APR. 2025.....

JPJ perkenal SOP baharu kenderaan perdagangan, perkhidmatan awam

Garis panduan diperincikan sebelum diumumkan bulan depan bagi atasi peningkatan kes kemalangan

M 15/4

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@bh.com.my

Kuala Terengganu: Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan mengeluarkan satu prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan baharu membabitkan kenderaan perdagangan dan perkhidmatan awam melebihi 7.5 tan dan ke atas pada Mei ini.

Ketua Pengarah JPJ, Datuk Aedy Fadly Ramli, berkata langkah itu diambil berikutan peningkatan kes kemalangan membabitkan kenderaan berat terutama

lori sejak kebelakangan ini.

Beliau berkata, ketika ini, JPJ bersama pihak berkaitan termasuk Kementerian Pengangkutan sedang meneliti dan memperincikan SOP dan garis panduan berkaitan.

"Antara perkara yang sedang diperincikan termasuk SOP serta tindakan yang akan diambil terhadap pemandu yang memandu melebihi had laju ditetapkan sehingga membahayakan penggunaan jalan raya lain.

"Kita nampak memang kes untuk kenderaan perdagangan ini makin meningkat dan antara satu faktornya adalah (pemandu) kenderaan-kenderaan ini membawa kenderaan mereka melebihi had laju yang ditetapkan.

"Jadi antara satu langkah untuk mengurangkan kadar kemalangan adalah mengurangkan had laju kenderaan ini. Jadi ini yang kami sedang memperincikan dan akan umumkan perincian dalam masa terdekat, mungkin dalam Mei nanti," katanya ketika ditemui pada Majlis Apresiasi dan Sambutan Hari Raya

JPJ Terengganu, di pekarangan Dewan Putra JPJ Terengganu, di sini malam kelmarin.

Tindakan lebih menyeluruh
Aedy Fadly berkata, antara SOP dan garis panduan baharu itu termasuklah tindakan terhadap kenderaan perdagangan yang melebihi had laju dan larangan kenderaan perdagangan untuk menggunakan lorong kanan di semua jalan utama dan lebuh raya sebelum ini.

Katanya, penambahbaikan itu akan memperincikan SOP dan garis panduan serta tindakan yang akan diambil di peringkat agensi penguat kuasa seperti JPJ dan Polis Diraja Malaysia.

Beliau menambah, 8,862 kes kemalangan dicatatkan Operasi Khas Hari Raya Aidilfitri 2025 (HRA 2025) yang bermula 24 Mac lalu hingga 8 April lalu.

Katanya, jumlah itu menunjukkan penurunan berbanding 9,859 kes yang direkod pada Ops HRA 2024.



Aedy Fadly (kanan) beramah mesra bersama anak yatim pada Majlis Apresiasi dan Sambutan Hari Raya JPJ Terengganu di Kuala Terengganu, semalam.
(Foto Ghazali Kori/BH)

BERITA HARIAN
Tarikh 15 APR 2025

Malaysia, ASEAN kena fokus urus ekonomi

Kekuatan dalaman penting hadapi ketidaktentuan cabaran global

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia bersama ASEAN perlu fokus kepada kekuatan dalaman dalam mende-pani ketidaktentuan ekonomi dunia, dengan menekankan soal tatakelola dan pengurusan ekonomi, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, masalah seperti tarif yang dikenakan Amerika Syarikat (AS), peperangan ekonomi antara AS dan China serta perang antara Russia dan Ukraine adalah sesuatu yang di luar kawalan, justeru ASEAN perlu memberi tumpuan kepada perkara yang boleh dikendalikan sendiri oleh rantau ini.

"Dalam isu tarif, yang kadang-kadang ke depan dan berundur, kadang-kadang sepuh dan sebahagian, itu masalah mereka tetapi dalam menghadapi masalah ini, saya tekankan daripada awal, ia memerlukan kekuatan dalaman, domestik.

"Ada hal yang tidak terkendali dan tidak berupaya diselesaikan

seperti perang Russia-Ukraine atau ketegangan ekonomi AS dan China. Kita boleh suarakan tapi tidak berupaya untuk kita membereskannya.

"Bagaimanapun, dalam isu negara kita, isu intra ASEAN, mampu kita uruskan, jadi kita harus beri tumpuan kepada isu yang kita kendali. Kita boleh bercita-cita besar, tetapi kita harus pragmatik untuk selesaikan," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Prinsip Kepusatan ASEAN

Perdana Menteri berkata, wawasan pemimpin ASEAN sejak dulu adalah untuk menjadikan rantau ini aman dan tidak ter-

jerumus konflik perang dingin ketika itu, iaitu antara Kesatuan Soviet (USSR) dan AS.

Beliau berkata, ketika ini, fokus diberikan kepada prinsip Kepusatan ASEAN, yang tetap mengekalkan hubungan baik dengan semua negara, namun pada masa sama, menjaga kepentingan negara dan rantau ini.

Justeru, katanya, negara ASEAN perlu terus memberi tumpuan mempertingkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi, sekali gus mampu menarik pelaburan asing, seperti yang dibincangkan pada Mesyuarat Khas Menteri Ekonomi ASEAN pada minggu lalu.

"Apakah yang dilihat sebagai

kelompongan dan kelemahan? Ia belum dapat meneruskan agenda kerjasama ekonomi yang lebih mantap.

"Ada permulaan kerjasama, malah kaedah penyelesaian menggunakan mata wang sendiri tempatan yang sudah dimulakan, yang dimulakan sekitar 20 peratus dengan Indonesia dan Thailand, selain negara luar. Itu semua kejayaan awal.

"Bagaimanapun, ruang untuk berdagang antara negara itu besar, antara Malaysia dan Indonesia serta Filipina, dan Filipina dan Thailand umpamanya, jadi inilah yang diberi penekanan, apakah kaedah dan instrumen yang boleh membantu dalam hal ini," katanya.



Anwar bersama Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican pada Perhimpunan Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

BERITA HARIAN
Tarikh..... 15 APR 2025.....

Presiden China adakan lawatan ke Malaysia penuh jemputan Agong

Kuala Lumpur: Presiden China, Xi Jinping mengadakan lawatan negara selama tiga hari ke Malaysia, bermula hari ini.

Dalam satu kenyataan, Kementerian Luar (Wisma Putra) memaklumkan bahawa lawatan dari 15 hingga 17 April itu adalah atas jemputan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim.

Sempena lawatan itu, Jinping akan disambut dengan istiadat sambutan negara, diikuti dengan kunjungan menghadap ke atas Sultan Ibrahim di Istana Negara.

Sultan Ibrahim turut berkenan meraikan Jinping dan delegasi dalam satu majlis santapan negara.

Jinping, yang diiringi oleh menteri Kabinet serta pegawai kanan kerajaan China, dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membincangkan kerjasama dua hala serta bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

"Kedua-dua pemimpin kemudiannya akan menyaksikan pertukaran

Memorandum Persefahaman, Perjanjian dan Nota antara Malaysia dan China," menurut kenyataan itu.

Anwar juga akan menghoskan majlis makan malam rasmi di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya untuk meraikan Jinping.

Lawatan ini adalah sebahagian daripada siri pertama lawatan negara Jinping bagi 2025, yang turut merangkumi Vietnam dan Kemboja.

Ketika lawatan negara terakhir Jinping ke Malaysia pada 2013, kedua-dua negara meningkatkan

hubungan diplomatik ke tahap Perkongsian Strategik Komprehensif.

Hubungan diplomatik Malaysia dan China terjalin sejak 31 Mei 1974. Kedua-dua negara, yang meraikan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik pada tahun lalu, menikmati hubungan dua hala yang kukuh.

Sejak 2009, China kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia selama 16 tahun berturut-turut.

Jumlah dagangan antara kedua-dua negara bernilai RM484.12 bilion pada 2024, me-

rangkumi 16.8 peratus daripada jumlah dagangan global Malaysia (RM2.879 trilion).

Sebagai Pengerusi ASEAN dan Negara Penyelaras bagi Hubungan Dialog ASEAN-China, Malaysia kekal komited untuk memajukan Perkongsian Strategik Komprehensif di antara ASEAN dan China.

Kementerian Luar menyatakan usaha ini akan diteruskan melalui dialog, kesalingpercayaan dan inisiatif yang membawa manfaat kepada rakyat ASEAN dan China.

BERNAMA

BERITA HARIAN

Tarikh.....15 APR. 2025.....

'Tak boleh guna jentera kerajaan untuk berkempen'

PM tegaskan dana RM6.13j untuk pembangunan di Tapah dibuat sebelum penamaan calon

BH 5/4

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam menegaskan semua pihak berkaitan tidak boleh menggunakan jentera atau peruntukan kerajaan bagi tujuan kempen selepas proses penamaan calon pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning, Sabtu lalu.

Perdana Menteri berkata, keputusan kerajaan adalah jelas, penggunaan jentera atau peruntukan kerajaan setelah penamaan calon sehingga hari mengundi, adalah tidak dibenarkan.



Merujuk kepada pengumuman yang dibuat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Nga Kor Ming berhubung peruntukan RM6.13 juta bagi 33 projek pembangunan di kawasan Parlimen Tapah pada Khamis lalu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, ia dibuat sebelum penamaan calon PRK DUN Ayer Kuning.

Bertambaran

"Ia sebelum penamaan calon. Jika selepas itu, kita beri amaran, tidak boleh.

"Tidak boleh gunakan jentera atau peruntukan kerajaan selepas penamaan calon sehingga pilihan raya. Itu keputusan kerajaan," katanya kepada media selepas menghadiri Perhimpunan Kementerian Kewangan di sini.

Sebelum ini, Gabungan Pi-

lihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) membidas tindakan Kor Ming mengumumkan peruntukan berkenaan, ketika DUN Ayer Kuning yang berada dalam Parlimen Tapah akan berdepan PRK.

BERSIH mendakwa, penggunaan kedudukan menteri untuk menyalurkan projek dan dana kerajaan ke kawasan yang sedang berdepan pilihan raya adalah satu bentuk penggunaan sumber kerajaan secara tidak adil.

Penamaan calon bagi PRK DUN Ayer Kuning berlangsung pada Sabtu lalu, manakala hari mengundi pada 26 April ini.

Kelmarin, Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil mengingatkan semua pihak supaya mematuhi peraturan berkempen, termasuk larangan mengumumkan peruntukan kerajaan sepanjang PRK DUN Ayer Kuning.

Katanya, pematuan langkah itu penting bagi memastikan suasana pilihan raya berlangsung dalam keadaan adil dan harmoni, sama ada di peringkat kerajaan atau pembangkang.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 15 APR 2025

Mangsa letupan Putra Heights terpaksa tinggal di rumah rosak

UM 15/4

SUBANG JAYA: Seorang mangsa letupan saluran paip gas di Putra Heights memilih untuk menetap di rumahnya sendiri walaupun mengalami kerosakan an perabotnya rosak.

Suri rumah, Rosmani Abdullah, 51, berkata, rumahnya rosak teruk akibat letupan dan selepas itu dilanda banjir pula beberapa hari selepas kejadian.

"Rumah masih boleh diduduki tetapi semua perabot sudah dibuang. Kehidupan perlu dimulakan semula dari kosong.

"Bantuan pula tidak tahu bila akan diterima. Hanya mereka yang melalui sendiri sahaja yang faham keadaannya," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Seorang lagi mangsa, Muhammad Ridzuwan Salehuddin, 33, berkata, dia berasa kecewa kerana bantuan yang dijanjikan masih belum diterima sehingga hari ini.



WALAUPUN rosak teruk, sebahagian penduduk memilih untuk terus tinggal sementara menunggu bantuan baiki rumah disalurkan.

"Saya tetap tinggal di rumah ini walaupun sudah kosong. Bantuan pun belum tentu. Motorsikal saya rosak, tetapi tiada bantuan diterima.

"Bagi bantuan baiki pula, pada awalnya dimaklumkan akan dihantar kontraktor, tetapi sehingga kini tiada sebarang perkembangan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:1.5..APR.2025....

COMPOUND DISCOUNT

Klang Royal City Council (MBDK) is offering discounts on traffic and parking compounds throughout April. Checking of compounds and payment can be made via ipay. mpklang.gov.my/home/kompaun, Smart Parking MBDK or Smart Selangor Parking app and pbtpay. kpkt.gov.my/home/semak. For details, call 03-3375 8037/8038.

JPJ CARNIVAL IN IPOH

A carnival to celebrate Road Transport Department's (JPJ) 79th anniversary will be held at Stadium Indera Mulia in Ipoh, Perak. The event is on April 18 and 19, 9am-6pm, and will feature an electric car exhibition, live bands, mobile service counter, talks and government agency booths. There will also be a helmet exchange programme on April 19. For details, visit www.jpj.gov.my

VOLUNTEER RECRUITMENT

Befrienders Ipoh is looking for hotline volunteers and will provide training sessions. Those interested can register before April 23. For details, call or text 012-534 0063 via WhatsApp.

SPECIAL AID PROGRAMME

Selangor government is accepting applications for its Program Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor, offering aid for education, medicine and medical equipment. Forms are available online until April 18, 5pm. Applications with supporting documents must be submitted physically at Pusat Sokongan Pendidikan Awal Anis in Shah Alam or at the nearest state assemblyman's service centre by May 2. For details, visit www.anis-selangor.com/bantuananis

RECYCLING CLOTHES

Kuala Langat Municipal Council (MPKL) has placed bins to collect preloved clothes at 15 locations in Telok Panglima Garang, Olak Lempit, Bukit Changgang, Banting, Sungai Lang, Bandar Rimbayu, Tropicana Aman, Eco Santuari and Bandar Saujana Putra. For details, call 010-215 6222 (Pertubuhan Amal Kitar Semula Malaysia).

THE STAR

15 APR 2025

Tarikh:.....

By **BAVANI M**
bavanim@thestar.com.my

City Hall cracks down on illegal alfresco dining

15/4

KUALA LUMPUR City Hall (DBKL) is declaring war on eateries that turn public walkways into private dining areas.

In a written reply to *StarMetro*, DBKL said it had launched a full-scale crackdown, with 24 targeted enforcement operations annually, aimed at reclaiming five-foot ways and public spaces from unauthorised commercial use.

City Hall said it would also intensify monitoring through regular patrols and strategically placed closed-circuit television (CCTV) cameras all over the city, especially at tourist locations such as Jalan Sultan and Jalan Petaling.

Operators who break the law would face action, it added.

"No tables or chairs on roads, road shoulders, parking bays, back lanes or over drains.

"Cooking or washing dishes in public spaces is strictly prohibited," it said in the statement.

"Only licensed restaurant, cafe and coffeeshop operators may apply for limited use of pavements or open areas and even then, only under stringent conditions."

According to DBKL, approval would only be considered for specific locations such as five-foot ways, the front or side of premises with a width between 1.5m and 3m, road shoulders wider than 3m, as well as corner or end lots with available open space.

For premises located mid-row or at end lots without such space, applications will be considered on a case-by-case basis.

Eligible premises must also not be situated near road junctions (a minimum distance of 6m is required), along main roads and should ideally be located in dead-end roads or less busy lanes.

Targeted raids hit Jalan Sultan, Jalan Petaling in Kuala Lumpur

Additional conditions have also been imposed by City Hall.

"Only structures approved by DBKL are permitted for use.

"Traders must maintain cleanliness of the surrounding area during and after business hours.

"Tables and chairs that are not in use must be neatly stored within the premises to avoid obstructing public pathways.

"DBKL reserves the right to seize or dispose of any equipment exceeding the permitted limit.

"The mayor may also impose additional conditions and take action under existing laws," it said.

Roadside stalls and food trucks, meanwhile, are prohibited from setting up tables and chairs on the road and can only operate on takeaway basis.


DBKL was responding to *StarMetro*'s front-page report on April 7 titled "Dining in the street", which highlighted the unchecked spread of eateries and traders placing tables, chairs and merchandise along public walkways and five-foot ways.

Addressing known hotspots such as Jalan Sultan and Jalan Petaling, DBKL acknowledged the issue of restaurant operators occupying five-foot ways and public areas, particularly in high-traffic tourist zones.

"Enforcement teams have carried out five targeted raids earlier this year in these areas which are notorious for alfresco setups.

"DBKL takes this matter seriously, as it not only disrupts pedestrian movement but also poses significant safety risks to the public."

DBKL said to date, 224 offence notices had been issued under



Diners gather around a food truck parked in Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, enjoying meals on makeshift tables and stools along the sidewalk. This goes against DBKL's no-table rule for food trucks. — Filepic



StarMetro report on April 7.

Section 46 of Street, Drainage and Building Act 1974 for obstruction in both Jalan Sultan and Jalan Petaling.

The five enforcement raids resulted in the seizure of 23

tables, 67 chairs and five other business-related items.

Citywide, DBKL reported issuing nearly 4,000 notices in 2024 for illegal setups, with seizures including over 2,300 tables, 2,500

chairs and more than 1,600 other items.

Regarding allegations of conflict of interest between enforcement officers and food operators, DBKL stated that it had not received formal complaints through its official channels.

Nonetheless, the authority maintained that its officers were under continuous scrutiny by its Discipline and Integrity Unit and any misconduct would be addressed in accordance with its disciplinary procedures.

DBKL referred to its Enforcement Integrity Plan 2022-2026 as part of its effort to improve transparency and rebuild public confidence, stating that the plan was aimed at instilling a culture of accountability among its enforcement officers.

THE STAR

Tarikh: 15 APR 2025

Jinjang Utara folk want urgent action over frequent flooding

By NATASHA BALQIS
metro@thestar.com.my

FLOOD-WEARY residents of Jinjang Utara in Kuala Lumpur are urging the authorities to act urgently as recurring floods, linked to poor drainage, are disrupting their daily lives.

They are asking for immediate, long-term solutions to the flooding problem as many had suffered repeated damage to their homes.

Tai Yeat Wen, 26, who lives with her family in Jalan Jinjang Permai 3, said the problem had persisted for over three years.

Despite multiple complaints to Kuala Lumpur City Hall (DBKL), she said no clear solution had been implemented.

Tai claimed that the old drains could not cope with the volume of rainwater which would overflow into her home during a downpour.

"Despite setting up barriers each time it rains, water still seeps in, often rising to 6cm."



Tai pointing to flood levels at her house in Jalan Jinjang Permai 3, especially after heavy rain.

Tai recounted how she often had to rush to save her belongings during such incidents.

"The cleanup is exhausting. Draining out the floodwater and

cleaning the house takes so much effort and it keeps happening," she said, adding that some of her furniture had been damaged as well.

So far, Tai's family has had to fork out around RM1,000 to build concrete barriers at the entrance of their home and the rear of their kitchen to mitigate the problem.

They have also resorted to storing items in plastic containers, and building cement platforms to raise the washing machine and refrigerator above flood level.

She hopes DBKL will take measures to fix the drainage system to prevent further flooding soon.

Meanwhile, Parti Rakyat Malaysia (PRM) complaints and welfare bureau (central) head Lee Hoi Eng, 38, said flood issues had been prevalent in the Jinjang area for over 20 years.

He said drains in some areas had collapsed and had not been upgraded in the past 15 years.

"The situation is taking a toll on the residents' well-being."

"Heavy rain late in the night means no sleep for residents who are forced to keep a watch

on water levels.

"After a sleepless night, they have to turn up for work the next day."

"Imagine how tiring and stressful this would be," said Lee, who had brought to light Tai's complaints during a press conference.

When contacted, Kepong MP Lim Lip Eng said he had applied for a RM200,000 grant from Housing and Local Government Ministry in January to upgrade the drainage system in the area.

"My team and ministry officials will visit the site tomorrow to assess the situation," he said.

Lim added that the proposed upgrade would cover about 1km of drainage in the area, including the street where Tai's home is located, to help reduce the risk of flooding for residents.

He hopes the grant will be approved soon so that drainage works could begin without delay.

DBKL has yet to respond to StarMetro's request for comments at press time.

THE STAR

Tarikh: 15 APR 2025

Selangor boosting digital skills of young women entrepreneurs

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my


SELANGOR is investing in the digital future of its young women entrepreneurs, recognising the transformative power of online tools in overcoming traditional business barriers.

At the launch of "Usahanita: Young Women Digital Media Incentive" in Shah Alam, state women empowerment and welfare committee chairman Anfaal Saari said embracing digital services was crucial for women to expand their reach, build strong customer relationships and streamline operations.

She said examples ranged from artificial intelligence-powered analytics to strategic social media marketing.

Anfaal said women entrepreneurs often navigated a business landscape marked by inequalities, and equipping them with robust digital knowledge acted as a powerful equaliser, opening doors to new markets and efficiencies.

"It is important for young



Anfaal (centre) with (from left) Azrul Izwan, Ahmad Salman, Zuraini, Siti Faridah, Ahmad Azri and Mearia at the Usahanita event in Shah Alam. — KK SHAM/The Star

women entrepreneurs to build efficiencies that save time, and focus on financial success.

"We want to encourage young women to explore digital entrepreneurship as a way of improving themselves."

The three-month Usahanita programme is organised by Wanita Berdaya Selangor (WBS), with a RM200,000 allocation

from Selangor government.

It provides 203 women with training and resources to effectively leverage digital platforms for business growth.

Participants will gain skills in areas such as e-commerce setup, social media content creation, online marketing strategies and basic data analytics.

Anfaal, who is also WBS chair-

man, said the programme involved training, practical sessions and a competition for the participants to showcase their respective products.

The top participant will be named Selangor Young Woman Entrepreneur Icon and qualify to receive entrepreneurial incentives.

In her welcoming speech, WBS

chief executive officer Siti Faridah Abdul Samad said digital technology offered many benefits to women entrepreneurs.

"As the business environment becomes more digitalised, it is important that we support women entrepreneurs with training programmes designed for them," she said.

The event also saw a memorandum of understanding (MoU) signing between WBS and strategic partners for future Usahanita Digital programmes.

Menteri Besar Selangor Incorporated chief Ahmad Azri Zainal Nor, Yayasan Hijrah Selangor chief executive officer Datuk Mearia Hamzah, Yayasan Peneraju ecosystem chief Azrul Izwan Amir Nazarullah and Selangor Information Technology and Digital Economy Corporation startup and digitalisation head Ahmad Salman Ahmad Fua'ad signed the MoU on behalf of their respective organisations.

Also present was Selangor State Economic Planning Unit (Sectoral Section) chief assistant director Zuraini Harun.

THE STAR

Tarikh: 15 APR 2025

100 UNITS OFFERED

Putra Heights fire victims to get keys to rental units

KUALA LUMPUR: Victims of the recent gas pipeline explosion and fire in Putra Heights, Subang Jaya, who have registered for temporary housing assistance at Pangsapuri Seri Suria in Kota Warisan, Sepang, can collect their keys and move into their rental units from tomorrow.

Selangor Housing and Culture Committee chairman Datuk Borhan Aman Shah said 100 Rumah Selangorku units are offered by the Selangor Housing and Property Board (LPHS) on a first-come-first-served basis.

He said the state will verify the list of applicants with the district office to ensure only registered victims receive the assistance.

"LPHS is offering 100 units measuring 1,000 square feet with three bedrooms and two bathrooms," he said during a briefing at Masjid Putra Heights.

Borhan said the rent has been set at RM850 per month, with the deposit exempted.

After six months, continued tenancy would be considered for victims who have yet to secure permanent housing. **Bernama**

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 15 APR 2025

Do not use govt machinery, funds for campaigning: PM

► 'Announcement of RM6.13m allocation for 33 projects in Tapah made before Ayer Kuning by-election nomination'

THE SUN 15/4

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has warned all parties not to use government machinery or allocations when campaigning in the Ayer Kuning state by-election.

Anwar, who is also finance minister, said the government's stance is clear - the use of government machinery or allocations from the time of nomination until polling day is not permitted.

He said the announcement of a RM6.13 million allocation by Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming for 33 development projects in the Tapah parliamentary constituency, which includes the Ayer Kuning state seat, was made before the nomination day for the by-election.

"That was before nomination. If it's after that, we have to issue a warning, it's not allowed," he said after the Finance Ministry's monthly assembly yesterday.

On April 10, Nga announced that the

ministry had approved an allocation of RM6.13 million for 33 development and public infrastructure projects under the Sentuhan Kasih 3.0 programme.

The move has been criticised by Bersih (Coalition for Clean and Fair Elections), which alleged that the channelling of funds and development projects to areas facing elections constitutes a misuse of government resources.

Bersih was reported as saying that such actions go against the principles of free and fair elections, Bernama reported.

Meanwhile, the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) has taken immediate action to resolve poor internet and telecommunications coverage at 27 locations within the Ayer Kuning state constituency.

It said in a statement that the move followed a directive from Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil, who raised concerns over the matter.

It added that several proactive measures have been implemented by telecommunications service providers under MCMC's directive to ensure satisfactory services, especially in areas involved in the upcoming Ayer Kuning by-election.

Priority areas identified include the nomination centre at Dewan Merdeka Tapah, 21 polling stations across the constituency, the media centre at the Batang Padang District Information Office and the Air Kuning and Sri Bidor National Information Dissemination Centres.

"As of 6pm on Sunday, all service providers, namely CelcomDigi, Maxis, Telekom Malaysia, U Mobile and YTL, have submitted, updated and improved action plans to MCMC.

"Initiatives include the optimisation of existing transmitter stations, installation of temporary transmitters and infrastructure sharing among service providers."

Additionally, an MCMC complaints counter has been set up at the Batang Padang PPD in Tapah, operating from 9am to 9pm between April 12 and 26, to handle issues related to telecommunications, postal services and other matters under the commission's purview.

THE SUN
15 APR 2025

Tarikh: